



HANIS Nazirul (kanan) dan Jellson pamer aksi cemerlang di Kejohanan Terjun Grand Prix Kuala Lumpur FINA

Akuatik

ASUM kagum penerjun muda

Kuala Lumpur:

Percaturan dengan menurunkan penerjun muda pada Kejohanan Terjun Grand Prix Kuala Lumpur FINA selama tiga hari yang berakhir semalam membuahkan hasil apabila mereka berjaya menyumbang pingat buat negara.

Setiausaha Persatuan Renang Amatir Malaysia (ASUM), Mae Chan (gambar) berkata, beliau berpuas hati dengan pencapaian skuad negara secara keseluruhannya apabila mengumpul dua emas, empat perak dan satu gangsa.

"Persiapan kami bagi GP di Kuala Lumpur kali ini singkat berikutan tempoh yang suntuk selepas berakhirnya Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur.

"Kali ini kami menurunkan ramai penerjun muda dan nampaknya mereka menunjukkan peningkatan yang baik. Selepas ini kami akan terus beri pendedahan kepada mereka supaya tidak ketandusan penerjun yang mampu mengharumkan nama negara di persada dunia," katanya.

Penerjun muda seperti Jellson Jabilin yang berusia 16 tahun menghadihkan satu emas dan satu perak sementara Hanis Nazirul Jaya Surya dan Gabriel Gilbert yang juga berusia 16 tahun menghadihkan perak.

Mae berkata, skuad terjun negara tidak akan sempat berehat kerana perlu menyiapkan diri untuk ke Grand Prix




MAE CHAN

di Gold Coast pula dari 9 hingga 12 Disember ini.

"Grand Prix ini juga penting kerana penerjun negara dalam persiapan ke Sukan Komanwel yang juga akan diadakan di Gold Coast tahun depan," katanya.

Pada hari terakhir kejohanan semalam, Malaysia menamatkan saingan di tempat ketiga dengan dua emas, empat perak dan satu gangsa di belakang Korea Selatan dan China.

PANDELELA (kiri) dan Mun Yee ceria selepas rangkul emas acara 10m platform seirama di Pusat Akuatik Nasional, semalam.



TAK 'BERKARAT'

■ Mun Yee, Pandelela raih emas acara 10m platform seirama wanita walaupun hampir dua tahun tidak bergandingan

Jumiati Rosly

jumiati@bh.com.my

Kuala Lumpur

Biarpun sudah setahun lebih tidak berpasangan, penerjun negara, Leong Mun Yee dan Pandelela Rinong masih mempamerkan bisa apabila memenangi pingat emas acara 10 meter platform seirama wanita pada hari terakhir Kejohanan Terjun Grand Prix Kuala Lumpur FINA, semalam.

Mun Yee, 32, berkata, kali terakhir mereka bergandingan ialah pada Siri Terjun Dunia di Beijing apabila memenangi pingat gangsa dalam acara yang sama, Mac tahun lalu.

"Bagi saya, persembahan biasa saja kerana kami tidak dapat melakukan persiapan dengan baik kerana masa yang suntuk selepas berakhirnya Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur, Ogos lalu," kata Mun Yee di Pusat Akuatik Nasional.



“Bagi saya, persembahan biasa saja kerana kami tidak dapat melakukan persiapan dengan baik kerana masa yang suntuk selepas berakhirnya Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur, Ogos lalu”
Leong Mun Yee

Gandingan negara memenangi emas selepas mengumpul 311.28 mata, perbezaan 30.60 mata di depan pasangan Australia, Emily Boyo-Nikita Hains (280.68 mata) yang merangkul perak sementara gangsa dibawa pulang gandingan Korea Selatan, Kim Suji-Cho Eunbi (275.10 mata).

Ditanya mengenai jarak mata yang diperolehi penerjun negara berbanding gandingan Australia, Mun Yee berkata, dia tidak memikirkan me-

ngenai saingan lawan kerana memberi fokus kepada terjunan sendiri saja.

Terdahulu, Nur Dhabitah Sabri yang bergandingan dengan Gabriel Gilbert menghadihkan pingat perak acara 3m papan anjal seirama campuran dengan 272.19 mata, hanya dibezakan 3.15 mata di belakang pemenang emas, Reo Nishida-Hazuki Miyamoto dari Jepun. Gangsa dimenangi pasangan Korea Selatan, Suji-woo Haham (268.02 mata).

"Saya rasa terjunan saya tadi teruk sedikit. Itu yang membuatkan saya agak sedih kerana ketinggalan dengan perbezaan mata yang sedikit dan menyebabkan terlepas emas.

"Bagaimanapun, ini penyertaan pertama saya di GP jadi banyak lagi yang saya perlu baiki bagi persediaan kejohanan selepas ini," kata Gabriel yang berusia 16 tahun dari Kota Kinabalu.



DHABITAH (kiri) dan Gabriel menunjukkan pingat perak yang dimenangi.